

**SULIT**

Faks : 237605  
Tel : 088- 252692  
Bil : KEW(S)100-0/2/14/1 Klt. 14/7  
Bil : 17 Disember 2002



KEMENTERIAN KEWANGAN  
Wisma Kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Tarikh :

Semua Setiausaha Tetap  
Y.Bhg. Datuk Bandar Kota Kinabalu  
Semua Ketua-Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan  
Semua Presiden Majlis Perbandaran  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

**Y.Bhg. Tan Sri/Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan**

**PROGRESSIVE INSURANCE BERHAD ( PIB )**

Dengan hormatnya, saya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Datuk Tan Sri/Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan mengenai dengan perkara seperti tercatat di atas khasnya kepada Surat Pekeliling Kementerian ini bilangan : FC.1007/13/4/X/150 bertarikh 14 Januari 1992 dan lain-lain surat Pekeliling yang berikutnya telah dikeluarkan oleh kementerian ini berkaitan dengan Progressive Insurance Bhd.

2. Surat Pekeliling berkenaan menegaskan tentang tanggungjawab Y.Bhg. Tan Sri/Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan mengenai dengan dasar Kerajaan Negeri agar semua urusan yang memerlukan perlindungan insuran termasuk insuran yang diwajibkan ke atas pelanggan melalui perjanjian peminjaman atau kontrak pengurusan penuh Kerajaan atau usahasama, perjanjian sub-kontrak atau mana-mana kontrak lain yang memerlukan perlindungan insuran, hendaklah diperolehi daripada Progressive Insurance Berhad.
3. Progressive Insurance Berhad adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Kewangan. Syarikat ini ditubuh sebagai usaha kerajaan untuk menambahkan sumber penjanaan pendapatan selain dari meningkatkan prestasi ekonomi negeri.
4. Dengan itu, sekali lagi ditegaskan di sini supaya mempastikan agar Agensi-agensi/Badan-Badan Berkanun/Kuasa-Kuasa Tempatan/Syarikat-syarikat Kerajaan Negeri, di bawah jagaan masing-masing hendaklah mematuhi arahan ini tanpa sebarang pengecualian.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

Rujukan : KEW(S)100-0/2/14/1 Kit. 14/7  
Tarikh: 17 Disember 2002

5. Pihak Progressive Insurance Berhad dikehendaki untuk menghubungi semua agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan dan seterusnya membuat laporan tentang status perlindungan insuran yang diambil oleh agensi-agensi tersebut.

6. Sila hubungi Kementerian ini sekiranya terdapat sebarang kemusikilan untuk penjelasan selanjutnya.

Sekian,terima kasih

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**

( DATUK HAJI S. ABDILLAH S. HASSAN, J.P.)  
Setiausaha Tetap

s.k. Chief Executive Officer  
Progressive Insurance Bhd.  
7<sup>th</sup> & 8<sup>th</sup> Floor, Wisma Perkasa  
Jalan Gaya  
P. O. Box 13936  
88845 KOTA KINABALU

**SULIT**